



MEMO DALAMAN

No. Ruj.	KUIS. BK. 100 – 1/4 (001)
Tarikh	07hb. November 2019
	10hb. Rabi'ulawal 1441 H

BAHAGIAN KESELAMATAN

**"PENERAJU TRADISI ILMU"
"PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA"**

Kepada : Semua Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Daripada : Ketua, Bahagian Keselamatan

Salinan : Rektor
Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan)
Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa & Alumni)
Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan)
Pendaftar
Bendahari
Penasihat Undang-undang
Ketua Pustakawan

Perkara : **PELEKAT KENDERAAN PELAJAR KUIS TAHUN 2020**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa permohonan pelekat kenderaan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) **bagi tahun 2020** boleh dibuat bermula pada **07hb. November 2019 (Khamis)**.

Berikut dilampirkan jadual pembelian dan pengambilan pelekat beserta waktu berurusan di kaunter Bahagian Keselamatan dan tarikh kuat kuasa pelekat untuk memudahkan proses penyediaan dan penyerahan pelekat kenderaan:

Pembelian Pelekat	Dibuka sehingga Disember 2019 <i>*Permohonan selepas tarikh yang ditetapkan akan diproses pada bulan Januari 2020</i>
Pengambilan Pelekat	Bermula Januari 2020
Waktu Urusan Kaunter	Isnin sehingga Jumaat, 10:00 pagi sehingga 04:00 petang Sabtu, Ahad & Cuti Umum (Tutup)
Tarikh Kuat kuasa Pemakaian Pelekat 2020	Bermula Februari 2020 (Selepas tarikh ini pembelian pelekat akan dibuka sepanjang tahun 2020)

Sehubungan dengan itu, semua pelajar perlu mengisi borang permohonan pelekat kenderaan (**No. Rujukan: BK/02/PINDAAN-01/2020; Sepenuh Masa**) @ (**BK/03/PINDAAN-03/2020; Separuh Masa**) yang boleh dimuat turun dari laman web KUIS/LMS.

Borang yang lengkap diisi perlu mendapat kelulusan Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM) atau Fakulti/Pusat masing-masing sebelum dihantar ke pejabat Bahagian Keselamatan beserta bayaran dan dokumen berkaitan yang lengkap.

Kerjasama dari semua pihak amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. والسلام

KAPT. (B) HASHIM BIN ABDUL GHAFAR